

PM buat pengumuman 11 hari selepas BN kekalkan majoriti dua pertiga

Kabinet baru hari ini

UM 1 0 DEC 1999

Oleh AZNAN BAKAR

KUALA LUMPUR 9 Dis. — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, akan mengumumkan barisan kabinet barunya esok, 11 hari selepas Barisan Nasional (BN) mengekalkan majoriti dua pertiga pada pilihan raya 29 November lalu.

Menurut kenyataan yang dikeluarkan oleh Jabatan Perdana Menteri (JPM) di sini hari ini, Dr. Mahathir selaku Pengerusi BN akan menghadap Yang di-Pertuan Agong, Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, pada pukul 10 pagi esok untuk mengemukakan cadangan kabinet baru.

Selepas upacara menghadap itu, Perdana Menteri akan mengumumkan pembentukan kabinet barunya itu pada sidang akhbar di pejabatnya di Putrajaya pada pukul 4 petang.

Istiadat pengurniaan surat cara pelantikan dan mengangkat sumpah jawatan, taat setia serta sumpah menyimpan rahsia oleh anggota kabinet dan timbalan-timbalan menteri di hadapan Yang di-Pertuan Agong akan berlangsung di Istana Negara pada Selasa 14 Disember ini.

Spekulasi

Kenyataan yang dikeluarkan oleh JPM itu menamatkan semua spekulasi mengenai tarikh kabinet baru akan diumumkan.

Semua persoalan mengenai siapa menteri yang akan kekal, timbalan menteri yang dinaikkan pangkat serta muka baru akan terjawab selepas pengumuman esok.

Jemaah menteri Persekutuan yang lepas mempunyai 23 portfolio tidak termasuk JPM, dengan 28 anggota kabinet termasuk Perdana Menteri.

Sementara anggota pentadbiran yang lain terdiri daripada 31 timbalan menteri dan 12 setiausaha Parlimen.

■ Lihat muka 4

SAMBUNGAN DARI MUKA 1

UM 1 0 DEC 1999 Kabinet baru hari ini

Ekoran pilihan raya umum lalu, terdapat sekurang-kurangnya 25 kekosongan jawatan kabinet sama ada yang melibatkan menteri, timbalan menteri dan setiausaha parlimen.

Sekurang-kurangnya tujuh kementerian mengalami kekosongan jawatan menteri iaitu Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Kewangan, Kementerian Pembangunan Usahawan, Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Kementerian Pertahanan, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna dan Kementerian Sumber Manusia.

Lain-lain kementerian yang mempunyai kekosongan bagi jawatan timbalan dan setiausaha parlimen ialah Kementerian Pertanian, Kementerian Kebudayaan Kesenian dan Pelancongan, Kementerian Pengangkutan, Kementerian Kesihatan, Kementerian Perdagangan Antarabangsa

dan Industri dan Kementerian Pembangunan Tanah dan Koperasi.

Pemimpin parti-parti komponen BN yang mengekalkan kerusi Parlimen masing-masing dijangka dilantik semula menganggotai kabinet.

Mereka termasuk Datuk Seri Dr. Ling Liong Sik (MCA), Datuk Seri S. Samy Velu (MIC), Datuk Seri Dr. Lim Keng Yaik (Gerakan) dan Datuk Amar Leo Moggie (Parti Bansa Dayak Sarawak).

Beberapa muka baru juga dijangka akan dilantik menganggotai kabinet 'alaf baru' itu termasuk Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Kelantan, Tengku Razaleigh Hamzah; Naib Ketua Wanita UMNO, Datuk Napsiah Omar dan Ahli Parlimen Jelebu, Datuk Rais Yatim.

Turut disebut akan dilantik ialah bekas Ketua Menteri Melaka, Datuk Abu Zahar Isnin; bekas Menteri Besar Perak, Tan Sri

Ramli Ngah Talib dan bekas Timbalan Ketua Menteri Pulau Pinang Datuk Seri Mohd. Shariff Omar.

Daripada keputusan pilihan raya yang lalu juga buat pertama kalinya Terengganu tidak akan mempunyai wakil di kabinet ekoran kekalahan semua calon parlimen BN di negeri itu. Bagaimanapun anggota kabinet boleh juga dilantik daripada kalangan anggota Dewan Negara.

Sementara itu, MIC turut berharap untuk mendapat sekurang-kurangnya dua lagi jawatan timbalan menteri dalam kabinet baru berikutan kemenangan 100 peratus calonnya pada pilihan raya lalu.

Begitu juga dengan beberapa parti komponen di Sabah turut menuntut tambahan kerusi di kabinet ekoran kecemerlangan mereka pada pilihan raya tersebut.